

# HUSAM TAKKAN ANGKAT BENDERA SEMATA-MATA KERANA UTUSAN

Monday, 23 November 2009

Dikemaskini pada Monday, 23 November 2009

Exco Kerajaan Negeri Kelantan, Datuk Husam Musa turut menafikan yang beliau telah meletakkan jawatan dalam kerajaan dan PAS, sambil menyifatkan agenda menamatkan kerjaya politiknya oleh pihak luar &ldquo;belum berakhir&rdquo;. Justeru, Husam menegaskan, beliau sama sekali tidak akan meninggalkan PAS di pertengahan jalan dan &ldquo;sebagai murid dan &lsquo;budak&rsquo; Tok Guru tidak akan mengangkat bendera putih&rdquo; semata-mata kerana agenda Utusan.

&ldquo;Mingguan Malaysia sekali lagi &lsquo;memandang tinggi&rsquo; pada saya dengan berita provokatif muka depan. &ldquo;Beratus SMS, kegelisahan begitu ramai orang dan deringan telefon sejak awal pagi adalah bukti &lsquo;berita&rsquo; yang sengaja dimasak sebegitu rupa telah mencetuskan kesan negatif yang bukan sedikit,&rdquo; kata Husam yang juga Timbalan Pesuruhjaya II PAS Kelantan dalam blognya hari ini. Husam turut menyatakan rasa leganya dengan penjelasan Nik Aziz yang menafikan laporan media hari ini. &ldquo;Saya amat terharu dengan penjelasan segera bos, guru, rakan dan bapa saya &mdash; Tok Guru Nik Aziz,&rdquo; ujar Husam. Dalam tulisannya, Husam juga menjelaskan bahawa beliau kini mengalami sakit belakang dan doktor menasihatkannya agar kurangkan aktiviti. &ldquo;Saya sakit belakang. Jumpa doktor dan doktor minta saya dapatkan rawatan, rehatkan tulang belakang saya dan kurangkan aktiviti. &ldquo;Bila saya nak masuk wad untuk rawatan itu saya boleh tentukan sendiri ikut kelapangan saya, tetapi jangan kurang dari lima hari penuh. Jangan lambat, kata doktor. &ldquo;Saya maklumkan pada bos saya (Nik Aziz). Lima hari sebelum raya haji amat sesuai. Tetapi program saya kena tangguh dan mana mesyuarat yang saya ditugaskan wakili Tok Guru kena tukar kepada rakan yang lain,&rdquo; katanya. Husam mengakui telah mengadakan pertemuan Nik Aziz pada Khamis lalu, yang meminta agar beliau tidak menangguhkan rawatan. &ldquo;Saya bercadang masuk hospital hari Isnin. Keluar petang Khamis. Apa kena-mengena sakit belakang saya dengan letak jawatan?&rsquo;